

25 JAN 2002

Sabah-Pendatang (Fokus Berita - Bergambar)

TIADA LAGI "MAAF" BAGI PENDATANG TANPA IZIN DI SABAH

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 25 Jan (Bernama) -- Setelah beberapa dekad menjalani kehidupan seolah-olah tanpa kawalan undang-undang dan merasakan diri mereka tidak terusik, masanya sudah sampai untuk pendatang tanpa izin di negeri ini menghadapi kenyataan.

Kerajaan kini telah memulakan operasi besar-besaran untuk membebaskan Sabah daripada masalah kebanjiran pendatang.

Suka atau tidak, pendatang khususnya yang sudah lama berada di negeri ini harus berhadapan apa yang dinamakan sebagai kedaulatan undang-undang negara ini.

Sejak sekian lama mereka seolah-olah mempersenda usaha untuk menangani masalah pendatang tanpa izin, mereka kini hanya menunggu masa untuk menerima tindakan yang sepatutnya mengikut peruntukan undang-undang sedia ada termasuk dihantar balik ke negara asal.

Pihak berkuasa sebelum ini dilihat sebagai teragak-agak untuk mengambil tindakan tetapi keadaan sekarang sudah berbeza. Kini kerajaan mempunyai keazaman untuk menguatkuasa undang-undang dengan lebih tegas dan mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap ketegasan pihak berkuasa.

"Kali ini kita serius menangani masalah pendatang tanpa izin dan tindakan yang kita ambil akan menjadi amaran kepada mereka yang memikirkan bahawa mereka boleh datang ke sini sesuka hati," kata Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat.

Chong berkata kemasukan pendatang tanpa izin yang baru tidak lagi berlaku dan kini tumpuan diberikan kepada usaha menyelesaikan masalah pendatang yang masih ada di Sabah secara berperingkat-peringkat.

Sebagai isyarat awal ke arah itu, Pasukan Petugas Khas Persekutuan melancarkan operasi mengusir pendatang tanpa izin serta merobohkan rumah setinggan bermula awal pagi Rabu lepas di Pulau Gaya yang terletak berhampiran ibu negeri.

Pulau Gaya ialah satu daripada tiga penempatan setinggan rakyat asing yang terbesar di negeri ini. Penempatan lain ialah Kampung BDC di Sandakan dan Kampung Ice Box di Tawau.

Operasi besar-besaran yang dijalankan selama tiga hari itu membabitkan antara lain anggota Pasukan Gerak Am (PGA), Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia, imigresen, anggota penguatkuasa Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, dan pada hari pertama sahaja sebanyak 114 rumah setinggan yang didiami rakyat asing dirobohkan.

"Ini tindakan yang berani dan kita menyokong penuh langkah kerajaan membersihkan pulau itu daripada pendatang asing yang kami harap-harapkan sekian lama," kata Ketua Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS) Almudin Kaida.

Beliau berkata langkah itu wajar dan tepat pada masanya kerana Pulau Gaya dikatakan tempat perlindungan atau melarikan diri bagi pendatang asing yang melakukan kegiatan kesalahan di tanah besar.

"Kita berharap operasi yang serupa juga diperluaskan ke kawasan lain... kita tidak boleh lagi berlembut dengan mereka," kata beliau.

Bagaimanapun, pihak berkuasa menghadapi tugas berat menangani isu pendatang tanpa izin khususnya di Pulau Gaya kerana status mereka masih samar-samar sehingga menyukarkan operasi pengusiran.

Sesetengah pihak mengiktiraf mereka sebagai rakyat tempatan atas sebab pemilikan kad pengenalan negara ini tetapi ramai yang tidak bersetuju kerana mereka bukan rakyat tempatan.

Menurut Evelyn Petrus, 20, seorang pekerja swasta di ibu negeri ini,

memang pelik sekali "ada kalangan mereka yang memilik dokumen sah tetapi orangnya tidak sah."

"Bagi saya mereka bukan orang tempatan... apabila mereka bertutur loghat mereka macam loghat orang pendatang," katanya.

Berbeza dengan di Semenanjung yang menghadapi masalah banjir pekerja dari Indonesia, Sabah pula bergelut dengan kemelut pendatang tanpa izin yang kebanyakannya warga Filipina.

Mengikut statistik Banci Penduduk dan Perumahan Negara, terdapat lebih 600,000 pendatang asing yang telah didaftarkan di Sabah.

Kebanyakan mereka sanggup mengharungi lautan untuk datang ke sini kerana menurut mereka Sabah adalah syurga kemewahan untuk mencari rezeki.

Pelbagai pihak menyokong langkah terbaru kerajaan bagi menangani masalah pendatang tanpa izin di Sabah yang dilihat sebagai jalan penyelesaian terbaik selepas Program Pemutihan yang diperkenalkan pada tahun 1997.

"Memang baguslah kerajaan ambil tindakan tegas. Sekarang mereka susah masuk ke negeri ini... jadi yang sudah masuk kita usirlah," kata seorang guru Adrian Bumon, 23, dari Kampung Tiong Gondohon, Tuaran.

Beliau berkata walaupun negeri ini memerlukan pekerja asing, kehadiran mereka yang jauh melebihi keperluan boleh membawa kesan sampingan seperti yang berlaku di Semenanjung minggu lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini turut menyuarakan kebimbangan terhadap jumlah pekerja asing di negara ini termasuk di Sabah yang kini terlalu ramai yang mungkin menimbulkan masalah jika mereka melakukan gerakan secara besar-besaran.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak lagi boleh memandang ringan pelbagai masalah oleh pendatang yang bekerja di negara ini.

-- BERNAMA

NT NMO